

US Sabtu 20/3/10 berita unimas m/s 2

Penunggang motosikal catat kematian tertinggi

SAFRI ALI

KOTA SAMARAHAN, Jumaat — Penunggang dan pembonceng motosikal mencatatkan kematian tertinggi iaitu sebanyak 4,067 kes kematian daripada 6,745 kes kemalangan jalan raya di negara ini pada tahun lalu.

Timbalan Menteri Pengangkutan Malaysia Datuk Abdul Rahim Bakri berkata, jumlah kematian yang dicatatkan oleh penunggang dan pembonceng motosikal kian membimbangkan saban tahun kerana secara purata 18 kes kematian membabitkan penunggang dan pembonceng motosikal setiap hari.

Katanya, berdasarkan kajian MIROS jumlah kematian penunggang dan pembonceng motosikal yang tinggi adalah disebabkan oleh kecederaan di bahagian kepala (56.5 peratus), kretakan di bahagian kepala (27.9 peratus), kecederaan di bahagian otak (38.1 peratus) dan kecederaan kepala dan otak (34 peratus).

Menurutnya, jumlah kematian penunggang dan pembonceng motosikal boleh dikurangkan sekiranya mereka menggunakan helmet dengan betul dan yang diiktiraf oleh SIRIM setiap kali menggunakan motosikal sama ada untuk jarak perjalanan yang dekat ataupun jauh.

"Dari segi ekonomi kita mencatatkan kerugian sebanyak RM8.09 bilion akibat 6,745 jumlah kematian. Bayangkanlah betapa besarnya kehilangan sumber ekonomi negara akibat nyawa yang melayang di jalan raya," katanya di Majlis Pelancaran Pemakaian Helmet Peringkat IPTA 2010 Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) di sini hari ini.

Katanya, kadar pemakaian helmet di luar bandar adalah di antara 33 peratus hingga 40 peratus walaupun undang-undang berkaitan telah pun

diwartakan sejak 1973 berdasarkan kajian Road Safety Research Centre (RSRC) Universiti Putra Malaysia (UPM).

Akibat kadar pemakaian helmet yang rendah perangkaan Polis Diraja Malaysia (PDRM) mendapati bahawa 60 peratus daripada jumlah kemalangan maut dan cedera parah berlaku di kawasan luar bandar.

Katanya, kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan Malaysia serta Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) sebagai agensi pelaksana banyak melaksanakan program berbentuk masyarakat ataupun 'Community Based Program' sebagai salah satu inisiatif jangka panjang bagi melahirkan penunggang dan pembonceng motosikal berhemah.

Antara program berkenaan menurut beliau ialah advokasi VEM, program bersama pengeluar, penjual dan pengedar motosikal, program bersama persatuan motor, program rakan KJR dan program khidmat komuniti PLKN, modul pembelajaran pendidikan keselamatan jalan raya di sekolah.

"Keselamatan jalan raya adalah tanggungjawab bersama. Semua inisiatif kerajaan di dalam mengurangkan kadar kematian dan kecederaan parah akibat kemalangan jalan raya memerlukan sokongan dan usaha berterusan daripada semua pihak daripada pelbagai peringkat," jelasnya.

Abdul Rahim berkata, di peringkat IPT pihak universiti harus mengambil serius pemakaian helmet di kalangan mahasiswa dan mahasiswi.

Katanya, didapati banyak kes kemalangan yang mengakibatkan kematian atau kecederaan parah turut berlaku di dalam kampus universiti.

"Saya berharap semua IPTA dan IPTS bersama-sama membantu kerajaan di dalam menguatkuasakan penggunaan helmet di sekitar kawasan kampus," tegasnya.



KEMPEN PEMAKAIAN HELMET... Datuk Abdul Rahim Bakri memakaikan helmet kepada salah seorang mahasiswa di Majlis Pelancaran Pemakaian Helmet Peringkat IPTA 2010 UNIMAS Kota Samarahan, semalam.